KERAJAAN MALAYSIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

TERMA RUJUKAN
KAJIAN SEMULA PELAN INDUK PERDAGANGAN PENGEDARAN TAHUN 2025-2035

---

1. TAJUK KAJIAN

Kajian yang akan dilaksanakan ialah **Kajian Semula Pelan Induk Perdagangan Pengedaran Tahun 2025-2035** di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

2. TUJUAN

2.1. Terma Rujukan ini disediakan bertujuan untuk melantik perunding yang akan menyedia, merancang, mengkaji dan mengemukakan hasil dapatan Kajian Semula Pelan Induk Perdagangan Pengedaran kepada KPDN.

2.2. Hasil kajian ini akan membantu Kerajaan mengambil kaedah yang terbaik untuk menetapkan dasar, hala tuju, dan pelan tindakan bagi memastikan pertumbuhan sektor perdagangan pengedaran di Malaysia kekal berdaya saing dan menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara dalam tempoh sepuluh tahun (2025-2035).

2.3. Melalui hasil kajian ini juga ianya akan menjadi sumber rujukan untuk menambahbaik dan memantapkan tadbir urus sektor perdagangan pengedaran di Malaysia bagi meningkatkan sumbangan sektor perdagangan pengedaran kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia di samping menggalakkan perkembangan pemain industri tempatan di peringkat global.

3. LATAR BELAKANG

3.1 Sektor perdagangan pengedaran yang terdiri daripada tiga sub-sektor utama iaitu; sub-sektor kenderaan bermotor, sub-sektor pemborongan dan sub-sektor peruncitan merupakan salah satu sektor utama di bawah sektor perkhidmatan yang merupakan

DRAFT

penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Berdasarkan laporan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2023 sektor perdagangan pengedaran telah merekodkan pertumbuhan yang memberangsangkan dengan sumbangan sebanyak RM281.4 Bilion atau 17% kepada KDNK negara.

3.2 Laporan Awalan Banci Perdagangan Borong dan Runcit tahun 2019 menunjukkan jumlah pekerja yang direkodkan di bawah sektor perdagangan pengedaran telah meningkat 3.3% kepada 1,998,364 orang/pekerja pada tahun 2018 berbanding 1,699,908 orang/pekerja pada tahun 2013. Purata gaji dan upah pula mencatatkan peningkatan 6.5% kepada RM3,296.00 pada tahun 2018 berbanding RM2,410.00 pada tahun 2013.

3.3 Pada tahun 2010, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) pada masa itu telah membangunkan Pelan Induk Perdagangan Pengedaran 2010-2020 (DTMP 2010-2020) bagi memacu pertumbuhan sektor tersebut sebagai menyokong usaha pembangunan ekonomi negara di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) dan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11). DTMP 2010-2020 mengandungi enam (6) Teras Strategik iaitu:

(i) Pemodenan Perdagangan Pengedaran Malaysia;
(ii) Pengukuhan Sikap Profesional di bawah Sektor Perdagangan Pengedaran;
(iii) Perdagangan Pengedaran Sebagai Pemangkin Pembangunan Produk dan Perkhidmatan Tempatan;
(iv) Globalisasi Sektor Perdagangan Pengedaran;
(v) Peningkatan Keberkesanan Rantaian Bekalan; dan

DRAFT

(vi) Perdagangan Pengedaran dan Persekitaran.

3.4 Sepanjang tempoh pelaksanaan Pelan Induk Perdagangan Pengedaran 2010-2020, Kementerian ini telah melaksanakan banyak penambahbaikan polisi sedia ada serta pelaksanaan pelbagai program-program yang berkaitan bagi menggerakkan sektor perdagangan pengedaran di Malaysia. Berdasarkan penilaian semula dibuat, didapati kebanyakan sasaran dalam pelan induk tersebut telah tercapai dan pelan induk baharu perlu dihasilkan bagi memastikan hala tuju sektor perdagangan pengedaran dalam tempoh sepuluh (10) tahun akan datang.

3.5 Walau bagaimanapun, pada tahun 2020, negara telah dilanda Pandemik Covid-19 yang telah memberi kesan yang amat besar kepada sektor perdagangan pengedaran. Sektor ini telah mencatatkan penguncupan yang sangat ketara sehingga 17% kesan daripada penutupan operasi sektor ini di bawah Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan kerajaan dalam menangani Pandemik Covid-19.

4. JUSTIFIKASI KAJIAN

4.1. Selaras dengan perkembangan pesat ekonomi global dan pasaran digital pada masa ini sektor perdagangan pengedaran mempunyai potensi yang amat besar untuk terus berkembang melalui hala tuju dan dasar yang lebih jelas. Bagi menyokong dasar pembangunan negara di bawah Kerangka Ekonomi MADANI dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13), Pelan Induk Perdagangan Pengedaran 2025-2035 akan menjadi dokumen rujukan utama kepada pemain industri perdagangan pengedaran di setiap rantaian.

DRAFT

4.2. Dasar-dasar Kerajaan dan pelan sedia ada di peringkat kementerian dan agensi berkaitan perlu diselaraskan melalui Pelan Induk Perdagangan Pengedaran 2025-2035 bagi meningkatkan potensi sektor perdagangan pengedaran untuk menjadi pemangkin kepada ekonomi negara melalui pertumbuhan ekonomi domestik yang mampan.

4.3. Kajian menyeluruh ekosistem perdagangan pengedaran perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti jurang dan cabaran untuk meningkatkan pertumbuhan selari dengan pertumbuhan di peringkat global.

4.4. Sehubungan itu, sebagai salah satu inisiatif kementerian untuk memperkasakan sektor perdagangan pengedaran khususnya pada Pasca Pandemik, satu Pelan Induk Perdagangan Pengedaran bagi 2025 - 2035 perlu dibangunkan sebagai kesinambungan kepada DTMP 2010-2020 dan memastikan sektor perdagangan pengedaran boleh menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negara pada masa akan datang.

5. OBJEKTIF KAJIAN

5.1. Menjajarkan dasar dan polisi berkenaan sektor perdagangan pengedaran di kementerian dan agensi lain seperti Kerangka Ekonomi MADANI, Rancangan Malaysia, National Industrial Master Plan (NIMP 2030), Rangka Tindakan Ekonomi Digital Negara dan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara dan lain-lain dasar sedia ada;

5.2. Mengkaji isu-isu sektor perdagangan pengedaran masa kini di peringkat pemain industri, pengguna dan pemegang taruh yang berkaitan berdasarkan kaedah kualitatif, kuantitatif, kajian

DRAFT

lapangan dan kajian kes;

5.3. Menjalankan sesi libat urus bersama pemain industri melalui perbincangan fokus, temu bual dan bengkel penambahbaikan serta menjalankan analisis berdasarkan kerangka politik, ekonomi, sosiologi, teknologi, perundangan dan alam sekitar; dan

6. SKOP PERKHIDMATAN PERUNDING

6.1. Keperluan perkhidmatan perunding merangkumi khidmat perundingan berdasarkan kepakaran melaksanakan kajian dengan mengguna pakai kaedah kajian yang bersesuaian dan memenuhi kriteria struktur kajian. Pasukan pelaksana kajian hendaklah terdiri daripada syarikat atau firma yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (pendaftaran kod bidang masih sah sehingga tamat tempoh sah laku perjanjian kajian) dengan kod bidang 340103 : Kajian Ekonomi;

6.2. Menyediakan metodologi, rangka kerja dan hala tuju kajian; dan

6.3. Melaksanakan kaji selidik awalan melalui survei/ temubual/ temu muka/libat urus/ bengkel kumpulan fokus dengan pemegang taruh yang berkaitan.

7. SKOP KAJIAN DAN KERJA

7.1. **Skop Kajian yang terlibat adalah seperti berikut:**

(i) Mengenalpasti semua lanskap perdagangan pengedaran di Malaysia dari segi perkembangan semasa, skop kawal selia serta kekurangan perundangan sedia ada;

DRAFT

(ii) Mengenalpasti semua lanskap perdagangan pengedaran di negara-negara maju, skop kawal selia serta kekurangan perundangan sedia ada;

(iii) Mengkaji isu dan keperluan industri sektor perdagangan di Malaysia;

(iv) Mengkaji kebolehlaksanaan pemain industri terhadap kawalan kendiri; dan

(v) Mencadangkan strategi dan pelan tindakan yang terbaik serta hala tuju sektor perdagangan pengedaran dalam tempoh sepuluh tahun akan datang.

7.2. **Kerja-kerja kajian yang terlibat adalah seperti berikut:**

(i) Menjalankan kajian kuantitatif dan kualitatif berdasarkan terma rujukan;

(ii) Menjalankan kaji selidik awalan melalui survei/ temubual/ temu muka/libat urus/ bengkel kumpulan fokus dengan pemegang taruh yang berkaitan;

.

(iii) Mengumpul, menjalankan analisis, membuat rumusan, cadangan dasar dan pelan tindakan berdasarkan analisis dan hasil penemuan yang dijalankan;

(iv) Mengemukakan cadangan dasar yang bersesuaian, kerangka strategi yang komprehensif berdasarkan hasil

DRAFT

penemuan dan isu-isu yang berkaitan; dan

(v) Mereka bentuk, mencetak dan menyerahkan dokumen akhir Pelan Tindakan Perdagangan Pengedaran 2025-2035.

8. KOMPONEN KAJIAN

8.1. Mengenal pasti profail pemegang taruh berdasarkan tiga (3) sub-sektor utama dan sektor perkhidmatan tidak di kawal selia:

(i) Perdagangan Borong;

(ii) Perdagangan Runcit;

(iii) Kenderaan Motor; dan

(iv) *Unregulated Services Sector.*

8.2. Mengenal pasti mekanisma kawal selia kendiri sedia ada dan peluang bagi meningkatkan kawalan kendiri melalui amalan terbaik di luar negara.

8.3. Mengenal pasti, mengkaji dan menjajarkan isu-isu dasar serta persekitaran semasa sektor perdagangan pengedaran dan tidak terhad kepada senarai berikut;

(i) Aliran dan perubahan pasaran;
(ii) Memperkasa penguatkuasaan;
(iii) Inovasi, Teknologi Baharu dan Digitalisasi;
(iv) Persaingan di peringkat global dan serantau;
(v) Perlindungan dan perubahan tingkah laku pengguna;
(vi) Meningkatkan produktiviti, kecekapan industri dan infrastruktur; dan

DRAFT

(vii) Ekonomi Hijau dan Kelestarian Alam Sekitar.

8.4. Membuat analisis dan cadangan melalui perbandingan dan penandaarasan (*benchmarking*) dasar dan amalan terbaik yang diguna pakai oleh negara-negara maju.

8.5. Membangunkan pelan tindakan jangka masa pendek, sederhana dan panjang yang merangkumi sasaran, visi, misi, program dan aktiviti.

8.6. Mencadangkan kaedah pemantauan kepada Pelan Tindakan Perdagangan Pengedaran 2025-2035 yang berkesan.

8.7. Siri Sesi Libat Urus yang merangkumi:

(i) Satu (1) Sesi *Townhall*;

(ii) Enam (6) Sesi Libat Urus yang meliputi Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Sarawak dan Zon Sabah;

(iii) Dua (2) Bengkel;

(iv) Sesi Bersemuka bersama Pemain Industri, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Ahli Akademik dan Agensi-Agensi Kerajaan yang berkaitan; dan

(v) Sesi Lawatan Penanda Aras ke satu (1) buah negara rantau Asia yang melibatkan sekurang-kurangnya dua (2) orang pegawai Kementerian merangkumi kos pengangkutan, penginapan dan lain-lain yang berkaitan.

8.8. Pembangunan Pelan Induk Perdagangan Pengedaran 2025-2035 merangkumi dan tidak terhad kepada komponen berikut:

(i) Visi dan Misi;

DRAFT

(ii) Teras Strategik;

(iii) Sasaran Pertumbuhan;

(iv) Pelan Tindakan, Program dan Aktiviti; dan

(v) Cadangan Dasar dan Kajian Perbandingan.

9 OUTPUT KAJIAN

Perunding dikehendaki mengemukakan laporan-laporan seperti berikut kepada KPDN:

9.1 **Laporan Insepsi** yang mengandungi cadangan rangka kerja (*framework*) kajian sebelum kajian dilaksanakan termasuk dokumen/ soalan kaji selidik, butir-butir terperinci berkaitan pendekatan kajian, termasuk jadual kajian, batasan kajian yang dijangka, kos kajian dan hal-hal lain yang perlu diperjelaskan dalam bentuk **5 salinan *hardcopy* serta *softcopy* termasuk slaid pembentangan**.

9.2 **Laporan Interim** yang mengandungi penemuan permulaan (*preliminary findings*) kajian dalam bentuk **5 salinan *hardcopy* serta *softcopy* termasuk slaid pembentangan** seperti berikut:

(i) kajian yang dilaksanakan; dan

(ii) keseluruhan penemuan kajian.

9.3 **Draf Laporan Akhir** yang mengandungi semua penemuan kajian pada bulan kesebelas pelaksanaan, sebanyak **5 salinan *hardcopy* serta *softcopy* termasuk slaid pembentangan** seperti berikut;

(i) kajian yang dilaksanakan; dan

DRAFT

(ii) keseluruhan penemuan kajian.

9.4 **Laporan Akhir** dan **Ringkasan Eksekutif** yang mengandungi semua pindaan selepas menerima ulasan dan cadangan penambahbaikan daripada Kerajaan ke atas draf Laporan Akhir dalam bentuk **5 salinan *hardcopy* serta salinan *softcopy* dalamtermasuk slaid pembentangan**. Laporan ini hendaklah mengandungi infografik merangkumi jadual, graf, carta, gambar rajah, gambar foto dan peta sosial yang mengandungi maklumat capaian program.

9.5 Mereka bentuk, menyediakan cetakan akhir dan salinan *softcopy* Pelan Induk Perdagangan Pengedaran 2025-2035 dan ringkasan eksekutif perlu disediakan dalam dwibahasa iaitu Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris sebanyak 200 naskah.

9.6 Perunding perlu melaporkan hasil kajian kepada jawatankuasa seperti berikut :

(i) Jawatankuasa Pemandu;
(ii) Jawatankuasa Teknikal; dan
(iii) Apa-apa jawatankuasa yang ditetapkan oleh KPDN.

10 OUTCOME KAJIAN

10.1 Meningkatkan pertumbuhan sektor perdagangan pengedaran dan meningkatkan sumbangan sektor perdagangan pengedaran kepada KDNK;

10.2 Meningkatkan adaptasi transformasi digital dalam sektor perdagangan pengedaran;

DRAFT

10.3 Menyediakan persekitaran perniagaan yang beretika dan memperkukuhkan kawalan kendiri di dalam sektor perdagangan pengedaran;

10.4 Meningkatkan penembusan produk dan perkhidmatan buatan Malaysia ke dalam pasaran dalam dan luar negara;

10.5 Menyediakan ekosistem rantaian bekalan yang cekap dan berdaya saing;

10.6 Meningkatkan purata gaji dan upah dan peluang pekerjaan dalam kepada rakyat Malaysia di dalam sektor perdagangan pengedaran.

11 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan dijalankan melalui pengumpulan data primer dan sekunder berasaskan kaedah kuantitatif dan/atau kualitatif daripada sumber Jabatan Perangkaan Malaysia dan/atau sumber lain yang dikenalpasti.

12 TEMPOH PERKHIDMATAN PERUNDING

12.1 Penetapan tempoh bagi pelaksanaan Kajian Semula Pelan Induk Perdagangan Pengedaran 2025-2035 ini adalah selama **15 bulan**. Perunding dikehendaki untuk menyediakan jadual pelaksanaan dan dipersetujui oleh KPDN sebelum kajian dimulakan.

DRAFT

12.2 Perunding dikehendaki menyatakan penerimaan pelantikan melalui Surat Setuju Terima (SST) dalam masa **EMPAT BELAS (14) hari** dari tarikh SST dikeluarkan kepada perunding.

13 KOS PERKHIDMATAN PERUNDING

13.1 Kajian ini akan menggunakan peruntukan pembangunan RMK-12 sebanyak RM2,000,000 dalam tempoh tahun 2025-2026.

13.2 Peratus bayaran bagi yuran profesional adalah mengikut kemajuan kerja (*work progress*) jadual penyerahan hasil kajian yang akan dipersetujui seperti berikut:

LAPORAN	JUMLAH (%)	JANGKAAN TARIKH SERAHAN
Laporan Insepsi	10%	April 2025
Laporan Interim	15%	September 2025
Draf Laporan Akhir	50%	Disember 2025
Laporan Akhir dan Ringkasan Eksekutif	25%	Januari 2026

14 HAK EKSKLUSIF

Data-data, bahan-bahan dan hasil kajian yang dikemukakan oleh pihak yang dilantik akan kekal menjadi hak eksklusif KPDN dan hak milik Kerajaan Malaysia.

15 PERJANJIAN

DRAFT

Pihak Kerajaan akan mengemukakan Surat Setuju Terima (SST) kepada perunding berdasarkan cadangan teknikal serta cadangan kos yang dipersetujui. SST adalah dianggap sebagai dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada dokumen perjanjian antara Kerajaan dan syarikat sehingga Dokumen Perjanjian rasmi (kontrak) dimeterai oleh kedua - dua pihak.

16 BAHASA YANG DIGUNAPAKAI

Semua dokumen dan surat-menyurat yang perlu disediakan oleh perunding adalah dalam Bahasa Kebangsaan.

Disediakan Oleh :

Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

9 Disember 2024

DRAFT